

# 'Negara kita tetap wujud sebagai sinar harapan kpd pelabur luar'



DR. MAHATHIR

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Malaysia tetap wujud sebagai sinar harapan kepada pelabur-pelabur asing yang kini mengalami kemalapan ekonomi dunia, demikian ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga berkata, iklim pelaburan di negara ini satu-satunya yang terbaik di dunia.

Berucap di majlis makan tengahari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa, Malaysia di sini hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan:

"Walaupun keadaan ekonomi dunia sekarang ini terlalu malap, Malaysia tetap wujud sebagai sinar harapan kepada peniaga-peniaga antarabangsa yang mengharapkan untung lebih lumayan.

Selanjutnya, beliau memetik satu laporan tahunan sebuah syarikat Eropah yang sudah menjalankan operasinya di Malaysia hampir 60 tahun, untuk menghuraikan iklim pelaburan yang wujud sekarang.

Laporan tersebut menegaskan, iklim pelaburan di Malaysia terus-menerus paling sihat di dunia.

Kedudukan tersebut, kata laporan itu, wujud kerana pimpinan Kera-

jaan yang penuh bertanggungjawab dan tegas dalam mengendalikan program-program pembangunan negara demi kepentingan rakyat, tanpa melebihi kemampuan yang boleh ditanggung oleh sumber-sumber dan daya pengeluaran negaranya.

Laporan tersebut juga menghuraikan bahawa Kerajaan Malaysia berjaya membendung inflasi ke tahap lima peratus sahaja, menerusi usaha-usaha gighnya yang patut dicontohi oleh masyarakat antarabangsa.

## Bukti

Keluaran Negara Kasar tahun lalu pula berkembang sebanyak 8 peratus, manakala simpanan asing negara pada tempoh yang sama ialah \$9,000 juta.

"Intisari laporan tahunan tersebut, merupakan bukti nyata Kerajaan Malaysia berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan persekitaran ekonomi yang sihat bagi peniaga dan pengusaha keseluruhannya," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Terdahulu dari itu, Timbalan Perdana Menteri menggesa pemimpin-pemimpin organisasi perniagaan di Malaysia memainkan peranan aktif membantu Kerajaan menerobosi tembok-tembuk sekatan dagangan yang diwujudkan oleh negara-negara maju, sebagai langkah mewujudkan susunan ekonomi dunia dalam tahun-tahun 80an.

Katanya, peluang-peluang perdagangan dan pelaburan dalam dekad akan datang bergantung sepenuhnya kepada kewujudan sistem ekonomi antarabangsa yang adil dan terbuka.

Bellau juga mempersoalkan sama ada negara maju sedia memberi penglibatan politik dalam usaha mewujudkan susunan ekonomi dunia.

Katanya, pengiktirafan terhadap masalah-masalah ekonomi negara membangun dalam pelaksanaan cadangan-cadangan khusus dan bermakna untuk mewujudkan susunan ekonomi dunia, adalah tidak mencukupi.

Di samping menggesa Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan perindustrian negara, Datuk Seri Dr. Mahathir juga mencadangkan mereka menubuhkan rujukan data-data perniagaan yang lengkap.

Rujukan data sedemikian, katanya, akan membantu Kerajaan dalam mendapatkan butir-butir perlu mengenal perdagangan dan perindustrian.

Ia juga akan membolehkan bakal pelabur memperoleh bahan-bahan penerangan mengenai bidang tersebut dengan segera.

Timbalan Perdana Menteri juga menggesa ahli-ahli Dewan itu menghubungi rakan perdagangan mereka menerusi ibu pejabat masing-masing di seberang laut untuk memberi keterangan jelas mengenai peluang-peluang pelaburan di negara ini.

Di samping itu, Kerajaan akan memperhebatkan usaha-usaha menarik pelaburan asing menerusi misi dagang. Tahun ini beberapa seminar perdagangan akan di adakan di Australia, Kanada dan Amerika Syarikat.

Bahan asal dari Arkibo  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 11, 34  
No. Penermaan .....